

Malaysia sedaya mungkin bantu proses damai di selatan Thailand

PM ulangi penting pastikan aspek keselamatan



Daripada Adha Ghazali di Bangkok

adha@bh.com.my

Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi pendirian Malaysia untuk membantu sedaya mungkin proses rundingan damai konflik di selatan Thailand, yang berlarutan sejak sekian lama.

Perkara itu disuarakan Perdana Menteri ketika berucap di hadapan masyarakat Muslim tempatan, sejurus selesai menunaikan solat Jumaat di Yayasan Pusat Islam Thailand di sini, semalam.

Dalam ucapannya, beliau memaklumkan, Malaysia selaku negara jiran dan rakan kepada Thailand, akan mencuba sedaya upaya untuk menyelesaikan beberapa masalah yang tersangkut, termasuk membabitkan konflik selatan Thailand.

"Insya-Allah, kita akan cuba

sedaya upaya meningkatkan hubungan dua hala negara yang berjiran.

"Sebagai negara jiran dan sahabat kepada Thailand, saya datang dengan semangat sedemikian," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut berterima kasih kepada kerajaan Thailand diterajui Perdana Menteri, Prayuth Chan o-cha yang menjaga komuniti Islam di negara ini dengan baik.

Ketika perjumpaan bersama pemimpin Islam setempat selepas itu, Anwar turut mengulangi kepentingan untuk memastikan aspek keselamatan, kerana tanpanya, kejayaan dan kemajuan sukar dicapai.

Katanya, beliau sendiri membangkitkan hal itu dalam mesyuarat bersama Prayuth kelmarin, bahawa tiada alternatif kepada masalah di selatan Thailand selain daripada keamanan.

"Saya meluangkan banyak masa ketika bersama Perdana Menteri Prayuth, cuba memberikan kefahaman kepada mereka dan memastikan ia dapat diselesaikan secara bijak.

"Kita maklumkan untuk tidak lagi ada perbezaan dan wujudkan perpecahan, sebaliknya mencipta kesefahaman," katanya.

Sementara itu bercakap kepada media Malaysia pada akhir lawatannya, Anwar berkata, Prayuth memberi isyarat positif kepada usaha menamatkan konflik



Anwar menyampaikan ucapan ketika mengadakan pertemuan dengan pemimpin Islam tempatan di Pusat Islam Thailand di Bangkok, semalam. (Foto BERNAMA)

tidak berkesudahan di selatan Thailand yang sehingga kini dilaporkan sudah meragut lebih 7,000 nyawa.

"Berdasarkan perbincangan kami, Perdana Menteri Thailand nampak ada kesediaan (untuk selesaikan konflik berlarutan di selatan Thailand).

"Kalau dulu, sentuh (isu ini) agak sensitif dan tak boleh secara terbuka. Namun sekarang, ia nampak lebih terbuka dan kita (dapat) bincang dengan lebih baik," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Men-

teri mengakui untuk menyelesaikan konflik selatan Thailand bukan hanya membabitkan peringkat perdana menteri sahaja, tetapi turut membabitkan banyak lagi pihak di segenap lapisan.

"Tak boleh selesai peringkat itu saja, ada tentera, polis, ketua agama, masyarakat, (aspek) pendidikan, risikan, NGO (badan bukan kerajaan).

"Apa pun, kita rancang supaya (usaha menyelesaikan konflik ini) sampai ke bawah kerana jaringan di situ cukup kuat," katanya sambil menegaskan kelunturan ke-

percayaan yang menjadi antara punca turut bermula dari atas.

Jumaat lalu, Tan Sri Zulkilfi Zainal Abidin selaku Ketua Fasilitator Kerajaan Malaysia bagi proses dialog damai Selatan Thailand, dilaporkan mengadakan kunjungan hormat ke atas Jeneral Wanlop Ruksanaoh yang mengetuai Panel Dialog Keamanan bagi Wilayah Sempadan Selatan Thailand (PEDP).

Pusingan keenam rundingan damai konflik selatan Thailand dijangka diteruskan di Kuala Lumpur pada 21 dan 22 Februari ini.